

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pembinaan Batalion 10 PGA di Sg. Paoh Sarikei akan bermula. Apakah kemudahan yang akan dimasukkan dalam fasa pertama. Berapa ramai anggota atau keluarga yang dapat menampung oleh kem tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan projek pembangunan semula keseluruhan Kompleks Batalion 10 Pasukan Gerakan Am (PGA) Sibul telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Kedua (RP-2) Tahun 2017.

Projek kini dalam peringkat akhir fasa reka bentuk dan dalam proses penyediaan dokumentasi termasuk menjalankan kajian siasatan tanah (*soil investigation*), kajian *Environment Impact Assessment (EIA)* dan mendapatkan kelulusan *State Planning Authority (SPA)*. Antara skop utama projek yang akan dilaksanakan melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran, lapang sasaran, bangunan kediaman, dan bangunan-bangunan sokongan bagi pengoperasian. Berdasarkan perancangan projek dijangka akan ditender pada bulan Ogos 2020 tertakluk segala perancangan dan perolehan berjalan lancar.